



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA
32040 SERI MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti jadual di bawah yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, kewangan yang kukuh dan stabil bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

NO. SEBUT HARGA	BUTIRAN TAWARAN / RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP DAN HANTAR DOKUMEN	HARGA DOKUMEN SENASKAH (RM)
MPM JKP / SH / 2 / 2019	Sebut Harga Untuk Membekalkan Dan Menghantar Pakaian Seragam Untuk Kakitangan (Luar Pejabat) Majlis Perbandaran Manjung	020801 Pakaian	18 Mac 2019 (Isnin)	<u>Tarikh</u> 26 Mac 2019 (Selasa)	RM 50.00
		Dan / Atau 020802 Kelengkapan Pakaian	hingga		
MPM JKP / SH / 4 / 2019	Sebut Harga Untuk Membekalkan Dan Menghantar Pakaian Seragam Untuk Kakitangan (Dalam Pejabat) Majlis Perbandaran Manjung	Dan / Atau 020899 Pembuat (Pakaian & Kelengkapan)	26 Mac 2019 (Selasa)	<u>Waktu</u> 12.00 Tengahari	RM 40.00

2. Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan dibeli dengan bayaran wang tunai di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan** mulai jam **8.15 pagi 18 Mac 2019** sehingga **26 Mac 2019** mengikut waktu berikut :-

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER ONE SERVE, MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG	
ISNIN – KHAMIS	8.15 pagi – 1.00 petang	2.15 petang – 4.15 petang
JUMAAT	8.15 pagi – 12.00 tengahari	2.45 petang – 4.15 petang

Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh di atas

3. Sila bawa **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** mengikut kod bidang dan salinan fotostat bersama **cap syarikat semasa pembelian Dokumen Sebut Harga**.
4. Sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dilakukan, Syarikat yang belum berdaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung** bagi mendapatkan **No. ID Pembekal Majlis Perbandaran Manjung**. Syarikat dinasihatkan untuk membuat pendaftaran lebih awal iaitu sebelum Tarikh Mula Penjualan Dokumen Sebut Harga bagi mengelakkan kelewatan pembelian Dokumen Sebut Harga yang mana dikhuatiri akan menyebabkan kelewatan penghantaran Dokumen Sebut Harga.

5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Kaunter One Serve, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan, pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 26 Mac 2019.** Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.
6. Bayaran Dokumen tidak akan dikembalikan
7. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana – mana tawaran.

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung,
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung,
PERAK DARUL RIDZUAN.**